

KENYATAAN DATUK BANDAR

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

MESYUARAT MAJLIS PENUH

28 MAC 2022

1. MAJLIS CABUTAN PEMENANG “JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN 2022 & MENANG WANG TUNAI”

MBSP telah mengadakan promosi “**JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN 2022 & MENANG WANG TUNAI**” khusus bagi pembayaran secara dalam talian (online), melalui kiosk atau melalui agensi kutipan bermula pada 1 Disember 2021 dan telah tamat pada 28 Februari 2022 yang lalu.

Sukacita dimaklumkan bahawa sepanjang tempoh promosi berlangsung, MBSP telah berjaya memperolehi nilai kutipan sebanyak RM107.56 juta dengan jumlah transaksi sebanyak 172,242 transaksi. Daripada jumlah berkenaan, 77.43% transaksi yang berlaku adalah secara tanpa tunai.

MBSP mengucapkan jutaan penghargaan kepada seluruh warga Seberang Perai yang telah menunaikan tanggungjawab untuk membayar cukai taksiran pada masa yang telah ditetapkan. Sempena promosi ini, hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat Pertama	Wang Tunai RM10,000
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke- 5	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 6	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 7	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 8	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 9	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 10	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-11 hingga Ke- 40	Pelbagai Hadiah Menarik Yang Lain

MBSP juga berbesar hati mengucapkan jutaan penghargaan kepada pihak AmlIslamik Bank Berhad yang turut bersama-sama MBSP menjayakan program promosi pada kali ini dengan menaja sepuluh (10) hadiah tambahan. Ini merupakan tahun kedua kolaborasi ini diadakan.

Hadiah cabutan bertuah tajaan AmlIslamik Bank Berhad ini merupakan cabutan berganda yang ditawarkan khas kepada pemilik premis yang membuat pembayaran cukai taksiran melalui JOMPAY. Ini menjadikan jumlah keseluruhan hadiah yang ditawarkan sempena promosi kali ini adalah sebanyak lima puluh (50) unit.

Kesemua lima puluh (50) pemenang akan ditentukan terus dalam Majlis Cabutan Pemenang yang akan diadakan sejurus selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini. Majlis ini boleh disaksikan secara langsung melalui FB Live MBSP.

Daripada analisa yang telah dibuat, sebanyak 57,379 akaun telah layak untuk menyertai cabutan bertuah kali ini berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan manakala sebanyak 6,982

akaun telah layak untuk cabutan berganda iaitu pembayaran melalui JOMPAY.

Sebagai langkah kawalan pencegahan penularan wabak pandemik Covid 19, pemenang yang berjaya akan dihubungi oleh MBSP melalui telefon, emel atau surat untuk urusan tuntutan hadiah. Pemenang akan diminta untuk menetapkan temujanji dan urusan tuntutan perlu dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan kelak. Senarai nama pemenang yang bertuah boleh mula disemak di laman web MBSP iaitu www.mbsp.gov.my mulai pada 29 Mac 2022 (Selasa).

2. SAMBUTAN AWAL RAMADHAN

Dimaklumkan bahawa umat Islam dijangka akan menyambut bulan Ramadhan al-Mubarak pada 3 April 2022 (Ahad). Justeru, saya dengan rasa kesyukuran ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam di Seberang Perai.

3. SENTIASA MEMATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE) DEMI MEMERANGI COVID-19

Diingatkan seluruh kakitangan MBSP dan seluruh penduduk Seberang Perai sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) dan amalkan norma baharu setiap masa bagi membendung penularan Covid-19. Jangan alpa dan lalai dengan kelonggaran dan kebebasan yang diberikan sekarang. Saya menyeru sekali lagi, penduduk Seberang Perai mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan supaya kita kekal sihat.

4. PELANCARAN BUKU ASPIRING SEBERANG PERAI CITY

Majlis Persempahan Aspiring Seberang Perai City Book oleh YBhg Datuk Bandar kepada YAB Ketua Menteri Pulau Pinang di Platform Malaysian Lansdcape Architecture Awards telah berlangsung pada 25 Mac 2022 bertempat di The Wembley Hotel, George Town, Penang.

Aspiring Seberang Perai Book adalah hasil kolaborasi di antara Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Spirit Of Perai bersama-sama *stakeholders* iaitu Think City dan Institut of Landscape Architects Malaysia (ILAM). Buku ini mengandungi kompilasi 5

tahun penganjuran Seberang Perai Photography Awards bermula 2016-2020 di bawah Program Butterworth Baharu yang mana telah turut didaftarkan di bawah ISBN Perpustakaan Negara Malaysia.

SEKIAN, TERIMA KASIH.